

TAKRIFAN


Wisdom Wednesday adalah satu (1) hari yang dipilih di setiap minggu perkuliahan dalam sesuatu semester pengajian bagi pelajar untuk mendaftar kursus, menghadiri kuliah dan melakukan aktiviti yang di luar bidang program akademik yang diambil.

OBJKTIF

Wisdom Wednesday bertujuan untuk memupuk kreativiti, perasaan ingin tahu dan pemikiran kritis, di samping membangunkan kefahaman pengetahuan yang pelbagai bagi mempromosikan kebolehan penyesuaian (*adaptability*) dan daya tahan (*resilience*) pelajar (*assessment*) melalui kursus-kursus elektif luar bidang yang ditawarkan oleh fakulti dan kampus.

PELAJAR YANG TERLIBAT

Pelajar Sarjana Muda yang mempunyai kursus elektif di dalam pelan pengajiannya digalakkan mendaftar sekurang-kurangnya satu (1) kursus *Wisdom* sepanjang pengajian mereka.



SENARAI KURSUS *WISDOM*

Senarai kursus *Wisdom* boleh dicapai di laman web BHEA di pautan <https://hea.uitm.edu.my/v3> di menu Curriculum>Flexible Curriculum>Wisdom Courses atau di <http://bit.ly/wisdomwednesdayuitm>

KURSUS WISDOM

Kursus *Wisdom* adalah senarai kursus elektif multidisiplin yang dikenalpasti oleh fakulti/kampus untuk ditawarkan kepada semua pelajar dari pelbagai program akademik dan telah diluluskan sebagai kursus *Wisdom* mengikut syarat-syarat tertentu.

PENDAFTARAN KURSUS WISDOM

Pelajar boleh mendaftar sebarang kursus *Wisdom* yang disenaraikan yang ditawarkan pada sesuatu semester. Penawaran dan pendaftaran kursus *Wisdom* bergantung kepada ketersediaan sesuatu fakulti/kampus dalam menyediakan keperluan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan kursus berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pejabat HEA di fakulti/kampus masing-masing



Sumber rujukan:
1. Minit mesyuarat Senat ke 234 pada 5 April 2018
2. Garis Panduan Pelaksanaan *Wisdom Wednesday* untuk Pentadbir Akademik



Disediakan oleh:
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA
<https://hea.uitm.edu.my/v3/>

